

BULETIN CITRA

Edisi JANUARI JUN 2024

KOLEJ KEDIAMAN

UITM KAMPUS SUNGAI BULOH,
SELAYANG & TELUK INTAN.

MAJLIS ANUGERAH BAKAT MAPUM (MABMA) 2023

Anjuran: Majlis Perumahan Universiti Awam Malaysia (MAPUM)



29 Mei 2024 – Rektor dan warga UiTM Cawangan Selangor (UCS) mengucapkan tahniah dan syabas kepada Puan Nurul Nadzirah Ismail, Penolong Pendaftar (Pengurusan Asrama) UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan kerana berjaya menerima Anugerah Staf Inovasi Cemerlang Kolej Kediaman Kategori Perak sempena Majlis Bakat MAPUM (MABMA) 2023.

Penganjuran anugerah oleh Majlis Perumahan Universiti Awam Malaysia (MAPUM) itu bertujuan menghargai bakat-bakat di kolej kediaman Universiti Awam (UA) merangkumi kategori pelajar, staf sokongan dan pengurusan, dan professional.

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023 & KENAIKAN PANGKAT

Anjuran: UiTM Cawangan Selangor (UCS)



Sekalung tahniah kepada Puan Nur Fatimah Ibrahim Ngajimi, Penyelia Asrama Kanan URHP UiTM Cawangan Selangor Kampus Teluk Intan atas penganugerahan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023 UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan. Sekalung tahniah juga diucapkan atas perlintikan ke jawatan Pegawai Eksekutif (N29) Bidang Asrama di Institut Kepimpinan dan Pembangunan UiTM, Bandar Enstek, Nilai yang berkuatkuasa pada 15 Julai 2024.